

20/12/2003

DBP hargai sumbangan wartawan

SUMBANGAN media massa dalam membantu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mendaulat dan memajukan bahasa serta kesusasteraan Melayu di negara ini dihargai pada Majlis DBP Bersama-sama Wartawan 2003, malam Rabu lalu.

Seramai 12 wartawan daripada pelbagai media menerima Hadiah Khas Kewartawanan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 2003 pada majlis yang berlangsung di Hotel Istana, Kuala Lumpur.

Antara penerimanya, Ketua Unit Sastera dan Budaya Berita Harian, Salbiah Ani; wartawan Unit Sastera Utusan Melayu, Luqman Hakim Quek Abdullah dan Ketua Unit Ehwat Semasa TV, RTM, Rohana Abu Kasim.

Mereka menerima wang tunai RM 500 seorang, piala dan sijil penghargaan daripada Ketua Pengarah DBP, Datuk A Aziz Deraman, pada majlis anjuran DBP dalam usaha badan berkanun itu merapatkan hubungan dengan media massa.

A Aziz ketika berkata, bahasa Melayu yang berkembang melalui pelbagai wahana, terutama media massa perlu terus berfungsi sebagai bahasa menyatupadukan masyarakat pelbagai agama, ras dan etnik di Malaysia.

"DBP tidak pernah menentang usaha meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan masyarakat tetapi tidak pula alpa dengan tanggungjawabnya untuk mendaulatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan," katanya ketika berucap pada majlis terbabit.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengarah Jabatan Penerbitan DBP, Datuk Dr Anwar Ridhwan, Pengarah Jabatan Bahasa DBP, Dr Awang Sariyan dan Pengarah Jabatan Sastera DBP, Abdul Rahman Yusof.

A Aziz berkata, sebagai negara berdaulat Malaysia perlu mempunyai bahasa sendiri yang mampu menyatupadukan semua masyarakat dan terbukti bahasa Melayu mampu mendukung tugas ini.

"Meskipun masyarakat kita digesa meningkatkan penguasaan dalam bahasa lain, kita harus melihat konteks penggunaan bahasa yang bergantung kepada situasi penggunaannya. Begitu juga dengan bidang kesusasteraan.

"Kita tidak mengatakan dengan membaca novel atau cerpen akan membolehkan kita mendapat kerja tetapi dalam memajukan negara, bidang persuratan adalah satu daripada mekanisme untuk membina tamadun bangsa," katanya.

A Aziz turut menyampaikan hadiah kepada pasukan yang memenangi perlawanan badminton, ping pong, dart dan karom dalam Karnival Sukan DBP Bersama-sama Wartawan pada majlis itu.

Beberapa wartawan media cetak dan elektronik serta deejay radio muzik turut memeriahkan Majlis DBP Bersama-sama Wartawan 2003 dengan nyanyian secara solo, berkumpulan dan rangkaian beberapa lagu di samping melagukan puisi.

A Aziz pula mendeklamasikan puisi panjang, Warkah Kepada Pemimpin dan Rakyat, yang ditulis sempena Syarahan Perdana: Palestin dan Kemanusiaan yang menampilkan

Fadzil Noor dan Tun Dr Mahathir, dengan diiringi gesekan biola.